

24/10/1998

Cuepacs masih harap bonus

KONGRES Kesatuan Sekerja Perkhidmatan Awam (Cuepacs) masih mengharapkan pemberian bonus kepada kakitangan awam, walaupun perkara itu tidak dibangkitkan dalam Belanjawan 1999 yang dibentangkan hari ini.

Presidennya, Abdul Aziz Mohd Sultan, berkata Cuepacs berharap kerajaan dapat memberikan bonus kepada kakitangan awam melalui peruntukan lain, selain rancangan perbelanjaan yang diumumkan dalam belanjawan itu.

Menurutnya, Cuepacs sudah mengutus surat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini memohon diadakan pertemuan bagi membincangkan perkara itu.

"Cuepacs merayu kerajaan mempertimbangkan pemberian bonus untuk kakitangan awam bagi meringankan beban kewangan ketika kegawatan, terutama kos pembiayaan persekolahan anak-anak mereka," katanya, hari ini.

Beliau mengulas Belanjawan 1999 yang dibentangkan Dr Mahathir di Dewan Rakyat hari ini yang tidak menyentuh pemberian bonus kepada kakitangan awam.

Untuk dua tahun berturut-turut sebelum ini, kakitangan awam menerima bonus sebulan gaji.

Abdul Aziz berkata, beliau yakin Dr Mahathir peka dengan masalah yang dihadapi kakitangan awam dan dapat merumuskan penyelesaian terbaik kepada permasalahan itu.

Katanya, kakitangan awam wajar mendapat sedikit ganjaran kerana mereka sudah mengorbankan tuntutan kenaikan gaji serta faedah lain.

Sebelum ini, Perdana Menteri menasihatkan kakitangan awam tidak terlalu memikirkan mengenai bonus kerana keadaan ekonomi tidak begitu mengizinkan pemberiannya.

(END)